Selain daripada aktiviti utama di atas, jabatan juga bertanggungjawab untuk:

- Menjadi sekretariat dan memberi input kepada Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.
- Membuat analisis teknikal dan mengenalpasti langkah-langkah bagi mengawal bahaya keselamatan dan kesihatan di tempat kerja.
- Menyediakan sukatan peperiksaan dan penilaian serta mengendalikan peperiksaan untuk pengiktirafan orang yang kompeten.
- Menyediakan kriteria pengiktirafan dan membuat kerja pengiktirafan firma dan organisasi berkebolehan.
- Mengenalpasti, menyemak laporan keselamatan dan pelan tindakan kecemasan, maklumat kepada umum serta membuat pemeriksaan dan audit ke atas pepasangan bahaya besar dan pepasangan bahaya bukan besar.
- Membuat pemonitoran bahaya-bahaya kesihatan di tempat kerja.
- Menyemak laporan pemonitoran bahaya kesihatan oleh orang kompeten.

## FUNGSI-FUNGSI JABATAN

- Menjalankan kajian dasar dan perundangan ke atas keselamatan dan kesihatan pekerjaan.
- Menguatkuasakan undang-undang berikut:
  - *Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 dan peraturan - peraturan yang dibuat dibawahnya.*
  - *Akta Kilang dan Jentera 1967 dan peraturan yang dibuat dibawahnya.*
  - *Akta Petroleum (Langkah-langkah Keselamatan) 1984 dan peraturan yang dibuat dibawahnya.*
- Menjalankan kajian dan analisis teknikal ke atas isu-isu keselamatan pekerjaan yang wujud di tempat kerja.
- Menjalankan program-program galakan dan publisiti kepada majikan, pekerja dan orang awam untuk memupuk dan meningkatkan kesedaran mereka terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan.
- Memberi khidmat nasihat dan maklumat kepada agensi-agensi kerajaan dan swasta berkaitan aspek-aspek pengurusan dan teknikal yang ada hubung kait dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan.
- Menjadi urusetia untuk Majlis Negara Bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.

## JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

Ketua Pengarah
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia
Aras 1, 3, 4 & 5, Blok D4, Kompleks D,Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62530 W. P. Putrajaya
Tel. : 03-8000 8000 Fax : 03-8889 2443 Email: projkkp@mohr.gov.my

Pengarah
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
WP Kuala Lumpur, Aras 11 (West Wing), The I-CON
No. 1 Jalan 1/68F, Jalan Tun Razak, 55000 Kuala Lumpur
Tel. : 03-2161 1414 / 0720 / 03-2166 0412 Fax : 03-2161 0809
Email: jkkpwp@mohr.gov.my

Pengarah
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
Negeri Selangor
Tingkat 7, Wisma Consplant 2,
Jalan SS16/1, 47500 Subang Jaya, Selangor
Tel : 03-5623 6400 Fax : 03-5638 9159
Email: jkkpsl@mohr.gov.my

Pengarah
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Johor
Tingkat 9, Menara TJB, Jalan Dato' Mohd Mufti,
80534 Johor Bahru, Johor
Tel. : 07-221 4121 / 07-224 2122 / 07-224 3076
Fax : 07-224 2667 (Tingkat 9) / 07-224 9039 (Tingkat 7)
Email: jkkpjh@mohr.gov.my

Pengarah
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Melaka
Aras 3 & 4, Menara Persekutuan,
Jalan Persekutuan, Hang Tuah Jaya,
75450 Ayer Keroh, Melaka.
Tel: 06-2345123 sehingga 129 Faks: 06-2345121
E-mail: jkkpmk@mohr.gov.my

Pengarah
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negeri Sembilan
Tingkat 4 & 5, Wisma PERKESO
Jalan Sg.Ujong,
70000 Seremban, Negeri Sembilan
Tel. : 06-761 2828 Fax : 06-764 3143
Email: jkkpns@mohr.gov.my

Pengarah
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kedah
Aras 5, Zon A, Wisma Persekutuan
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
06550 Bandar Muazam Shah, Kedah
Tel. : 04-700 0100 / 04-735 5880 Fax : 04-732 9659
Email: jkkpkd@mohr.gov.my

Pengarah
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Perak
Tingkat 3, Bangunan Sri Kinta, Jalan Sultan Idris Shah,
30000 Ipoh, Perak
Tel. : 05-254 9711 / 05-253 0629 / 05-242 1925
Fax : 05-255 5219
Email: jkkppk@mohr.gov.my

Pengarah
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
Perlis
No 3, Jalan Hospital,
01000 Kangar Perlis
Tel. : 04-977 4100 Fax : 04-976 7427
Email: jkkpps@mohr.gov.my

Pengarah
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Pulau Pinang
Tingkat 4, Kompleks Sempilai Jaya,
Jalan Sempilai,
13700 Seberang Jaya, Pulau Pinang
Tel. : 04-399 1144 / 04-399 4106 Fax : 04-390 8844
Email : jkkppp@mohr.gov.my

Pengarah
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Pahang
Tingkat 2, Wisma PERKESO, Jalan Mat Kilau,
25000 Kuantan, Pahang
Tel. : 09-513 2906 / 09-513 2834
Fax : 09-513 2923
Email: jkkpph@mohr.gov.my

Pengarah
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Terengganu
Aras 3, Wisma Perkeso, Jalan Air Jernih,
20538 Kuala Terengganu, Terengganu
Tel. : 09-622 5288 Fax : 09-623 6654
Email: jkkptg@mohr.gov.my

Pengarah
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kelantan
Tingkat 5, Wisma PERKESO,
PT 304-307, Seksyen 22, Jalan Kota Darul Naim,
15538 Kota Bharu, Kelantan
Tel. : 09-748 2875 / 09-748 8745 Fax : 09-747 9745
Email: jkkpkn@mohr.gov.my

Pengarah
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Sarawak
Aras 17, Bangunan Ariva Kuching Gateway,
No. 9, Jalan Bukit Mata,
93100 Kuching, Sarawak
Tel. : 082-242 257 Fax : 082-259 846
Email: jkkpsw@mohr.gov.my

Pengarah
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Sabah
Tingkat 1, Sayap Kanan, Wisma PERKESO,
No. 11, Lorong Sempelang, 88100 Kota Kinabalu, Sabah
Tel. : 088-235 855 / 088-230 855 / 088-253 576
Fax : 088-233 367
Email: jkkpsb@mohr.gov.my

Pengarah
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
WP Labuan
Lot 5-10, Tingkat 1, Wisma Wong Wo Lo,
87000 Wilayah Persekutuan Labuan
Tel. : 087-424 857 / 087-424858 Fax : 087-424 855
Email: jkkpwplb@mohr.gov.my

Pengarah
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
Cawangan Miri
Tingkat 9, Wisma Yu Lan Jalan Brooke,
98008 Miri, Sarawak
Tel. : 085-428 151 Fax : 085-429 151
Email: jkkpmiri@mohr.gov.my

Pengarah
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
Cawangan Sibu
Lot 445, Blok 5 STD, Tingkat 11, Wisma Vasty,
Jalan Pulau, 96000 Sibu, Sarawak
Tel. : 084-316 064 Fax : 084-315 940
Email: jkkpsibu@mohr.gov.my

Pengarah
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
Cawangan Bintulu
Lot 464, Jln Law Gek Soon Bintulu Town District
97000 Bintulu Sarawak
Tel. : 086-310 840 Fax : 086-311 629
Email: jkkpbintulu@mohr.gov.my

Pengarah
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Cawangan Tawau
Lot 1,2,11 & 12,Tingkat 1, SUDC Commercial Development,
Kuhara Point, Jalan Kuhara,Peti Surat 60657,
91016 Tawau,Sabah
Tel. : 089-749 636 Fax :089-749 635
Email: jkkptawau@mohr.gov.my

Pengarah
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
Cawangan Sandakan, Tingkat 1, Wisma Saban, Batu 7,
Jalan Labuk, W.D.T 71, Bangunan Rumah Persekutuan,
90500 Sandakan, Sabah
Tel. : 089-672 059 / 089-672 072 Fax : 089-672 069
Email: jkkpsdkn@mohr.gov.my



**JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN**
**(JKKP/DOSH)**
**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**
Aras 1, 3, 4 & 5, Blok D4, Kompleks D,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62530 WP Putrajaya
Tel. : 03 8000 8000 Faks : 03 8889 2443
Website : www.dosh.gov.my

## Pengenalan

Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) ialah sebuah Jabatan di bawah Kementerian Sumber Manusia. Jabatan ini bertanggungjawab untuk memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan orang-orang yang sedang bekerja, dan melindungi orang-orang lain daripada bahaya-bahaya keselamatan dan kesihatan yang berpunca daripada aktiviti pekerjaan pelbagai sektor iaitu:

- *- Pengilangan*
- *- Perlombongan dan Pengkuarian*
- *- Pembinaan*
- *- Hotel dan Restoran*
- *- Pertanian, Perhutanan, dan Perikanan*
- *- Pengangkutan, Penyimpanan dan Komunikasi*
- *- Perkhidmatan Awam dan Pihak Berkuasa Kanun*
- *- Kemudahan Gas, Elektrik, Air dan Perkhidmatan Kebersihan*
- *- Kewangan, Insurans, Harta Tanah dan Perkhidmatan Perniagaan*

Jabatan merupakan agensi kerajaan yang diberi tanggungjawab untuk mentadbir dan menguatkuasakan perundangan mengenai Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Negara ini dengan wawasan menjadi sebuah organisasi yang menerajui Negara dalam membentuk budaya kerja selamat dan sihat ke arah mempertingkatkan kualiti hidup semasa bekerja.

## Visi

**Menjadi Peneraju Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Terunggul**

## Misi

**Memastikan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja Terjamin**

## Sasaran Tahun 2016 - 2020

**Sasaran bagi tempoh 2016 -2020 adalah seperti berikut :**

- *Pengurangan Kadar Kematian 4.36/100,00 Pekerja;*
- *Pengurangan Kadar Kemalangan 2.53/1,000 Pekerja; dan*
- *Peningkatan Pelaporan Penyakit dan Keracunan Pekerjaan 30%*

## AKTIVITI JABATAN

Meningkatkan kesedaran tentang perlunya tempat kerja yang selamat dan tiada risiko kesihatan di kalangan majikan, pekerja dan orang awam yang memerlukan usaha gigih dan penglibatan pelbagai pihak. Usaha ini perlu dilaksanakan dengan pelbagai cara yang komprehensif dan berterusan bagi menjamin keberkesanannya. Ini adalah penting untuk menyakinkan semua pihak yang terlibat bahawa KKP merupakan isu penting untuk menjamin kualiti hidup pekerja dan kemaslahatan (survival) majikan dalam menjalankan sebarang urusniaga. Oleh itu segala usaha dan perbelanjaan yang diperuntukan untuk menjayakan sistem pengurusan dan program KKP perlu dilihat sebagai satu pelaburan.

Untuk memenuhi tanggungjawab yang diberikan, jabatan melaksanakan tiga aktiviti penting iaitu penyediaan standard, penguatkuasaan serta sebaran am dan promosi. Organisasi Jabatan adalah terdiri daripada Ibu Pejabat dan 13 Pejabat Negeri. Bidang tugas Ibu Pejabat adalah tertumpu kepada aktiviti penyediaan standard, kelulusan, pengiktirafan serta analisis data, manakala aktiviti pejabat negeri lebih kepada penguatkuasaan akta dan peraturan, pemeriksaan, audit, tindakan undang-undang, siasatan dan promosi.

***Penyediaan Standard* -** Untuk menggubal dan mengkaji dari semasa ke semasa melalui proses tripatisme dasar, undang-undang tataamalan dan garis panduan berkaitan dengan keselamatan, kesihatan dan kebajikan pekerjaan sebagai asas dalam memastikan keselamatan dan kesihatan semasa bekerja.

***Kajian Dasar* -** Jabatan ini dari semasa ke semasa akan menjalankan kajian ke atas dasar-dasar keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang sedia ada untuk meninjau sejauh mana dasar-dasar tersebut, jika didapati perlu, akan dipinda mengikut kehendak dan keadaan semasa supaya mencapai matlamat untuk mewujudkan budaya kerja selamat dan sihat dikalangan semua majikan dan pekerja melalui pendekatan pengaturan kendiri.

***Penggubahan Peraturan, Garis Panduan dan Kod Amalan Industri Baru* -** Untuk membantu pihak industri menyempurnakan tanggungjawab am mereka dalam keselamatan dan kesihatan pekerjaan seperti yang dikehendaki oleh Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994, Jabatan telah dan sedang dalam proses menggubal dan meminda peraturan-peraturan, garis-garis panduan dan kod amalan industri yang baru.

***Penguatkuasaan* -** Sebagai sebuah agensi kerajaan yang bertanggungjawab untuk memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan orang-orang yang sedang bekerja, dan melindungi orang-orang lain daripada bahaya-bahaya keselamatan dan kesihatan yang berpunca daripada aktiviti-aktiviti pekerjaan, Jabatan menjalankan aktiviti penguatkuasaan ke atas industri-industri yang diliputi oleh:

- *- Akta keselamatan dan kesihatan Pekerjaan 1994*
- *- Akta Kilang dan Jentera 1967*
- *- Akta Petroleum (Langkah-langkah Keselamatan) 1984*

**Aktivit-aktiviti penguatkuasaan yang dijalankan oleh JKKP adalah:**

| | |
|---|---|
| *Kelulusan* | Mengeluarkan kelulusan dan kebenaran bagi rekabentuk, memasang jentera dan prosedur membaikpulih dandang stim, pengandung tekanan tak berapi dan mesin angkat. |
| *Pendaftaran* | Mendaftarkan kilang, tempat kerja dan jentera yang memerlukan sijil perakuan kelayakan seperti Dandang Stim, Pengandung Tekanan Tak Berapi, Lif dan Mesin Angkat. |
| *Pengiktirafan* | Persijilan ke atas individu yang mempunyai kelayakan, pengalaman, kepakaran dan pengetahuan di dalam bidang yang diperlukan oleh Akta dan Peraturan. Kompetensi yang diiktiraf adalah firma yang kompeten dan orang yang kompeten. |
| *Pemeriksaan* | Melaksanakan pemeriksaan-pemeriksaan awal, ulangan dan tambahan ke atas dandang stim, pengandung tekanan tak terapi, mesin angkat, premis kilang dan tempat kerja yang lain. |
| *Siasatan* | Penyiasatan ke atas aduan, kemalangan dan penyakit pekerjaan dan keracunan pekerjaan. |

**Tindakan Undang-undang**

***Sebaran Am dan Promosi* -** Bagi meningkatkan kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan dikalangan majikan dan pekerja, Jabatan berusaha untuk memberi penerangan dan tunjuk ajar supaya semua perundangan keselamatan dan kesihatan pekerjaan dapat dipatuhi. Sebagai rakan kongsi dalam melaksanakan Dasar Pensyarikatan Malaysia, Jabatan berpendapat bahawa semua pelanggan Jabatan perlu diberikan maklumat yang secukupnya dalam keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Oleh itu, pelbagai aktiviti sebaran am dan promosi dilaksanakan untuk menyebarkan maklumat keselamatan dan kesihatan.

**Antara aktiviti usaha promosi dan publisiti yang telah dijalankan oleh JKKP adalah:**

- *Menganjur dan memberi ceramah secara latihan dan pameran berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan.*
- *Menjalankan kerja-kerja promosi dan galakan seperti kempen dan menganjurkan pameran yang berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan.*
- *Memberi khidmat kepakaran berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan kepada agensi-agensi awam dan swasta, serta persatuan-persatuan majikan, pekerja dan professional untuk meningkatkan lagi taraf keselamatan, kesihatan dan kebajikan pekerjaan.*
- *Mengumpul dan menyediakan bahan-bahan maklumat berhubung dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan untuk rujukan, pinjaman dan sebaran.*